

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah baharu Kementerian melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam menyediakan kaedah pertanian moden khususnya dalam meningkatkan produktiviti dan hasil tani.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Malaysia menduduki tangga ke-28 dengan skor 73.8% dalam *Global Food Security Index (GFSI) 2019* yang diterbitkan oleh *The Economist* di mana kita telah meningkat daripada kedudukan 40 pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, Malaysia mencatatkan skor yang rendah iaitu hanya 2.6% dalam perbelanjaan dana awam untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertanian, berbanding skor 100% yang dicapai oleh Singapura yang berada pada kedudukan pertama.

2. Dalam hal ini, antara aspek yang perlu ditekankan bagi memperbaiki kedudukan negara adalah perbelanjaan dan pelaburan awam dalam R&D pertanian termasuk infrastruktur, perkhidmatan pengembangan, bank gen tanaman & ternakan serta pembangunan

NO. SOALAN : 13

teknologi bagi memodenkan sektor pertanian dalam usaha meningkatkan kecekapan pengeluaran dan produktiviti hasil pertanian.

3. Pemodenan sektor pertanian boleh dicapai seiring dengan pengaplikasian prinsip-prinsip Revolusi Industri Ke-Empat (IR4.0) seperti *Internet of Things* (IoT), *Big Data*, *Blockchain*, *Artificial Intelligence* (AI) dan *Machine Learning*.

4. Justeru, di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) dan hala tuju RMK-12 (2021-2025), Kementerian melalui MARDI akan menfokuskan kepada R&D teknologi moden berteraskan IR4.0 dalam usaha meningkatkan produktiviti dan hasil tani yang merangkumi:

- (i) Sistem pintar seperti jentera tanpa pemandu, dron pintar, sistem robotik pintar, *smart housing and mobility facility*;
- (ii) Sistem kawalan dan pemantauan pintar bagi sumber dan tanaman melibatkan nutrien pokok, keadaan tanah, iklim dan air; dan
- (iii) Sistem perancang sumber pengeluaran pintar berasaskan *blockchain* bagi meningkatkan kecekapan rantaian pengeluaran dan bekalan di pasaran.

5. Selain itu, Kementerian juga akan memberi fokus kepada pembangunan teknologi bersepadu berteraskan R&D melibatkan mekanisasi dan automasi serta benih dan baka baharu bagi meningkatkan pengeluaran, meningkatkan daya tahan penyakit, menambahbaik pengendalian lepas tuai dan pemprosesan produk pertanian yang berkesan untuk mendapatkan hasil yang tinggi dengan kos yang efektif.

Sekian, terima kasih.